

# SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 3/2012

ISSN : 1675-0241



MARI  
MEMBACA  
1  
MALAYSIA  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU

### 12 TIP Usahawan Berjaya TANPA MODAL

Mengapa anda patut menjadi seorang usahawan biarpun anda tidak punya wang untuk bermula



AZMAN MANAP

AZMAN MANAP

**12 Tip Usahawan Berjaya Tanpa Modal**

Petaling Jaya : True Wealth, 2012. 163 ms.

ISBN 978-967-4160-00-5

## ULASAN

“Pengalaman sebenar, terus dari hati!” Itulah yang boleh diungkapkan untuk buku setebal 163 muka surat berjudul *12 Tip Usahawan Berjaya Tanpa Modal* karya Azman Manap, yang juga merupakan Pengarah Syarikat AZIL Engineers Pte Ltd. “AZIL”- kombinasi dua huruf pertama nama penulis dan nama anak sulong penulis iaitu, Ilman merupakan sebuah syarikat dari industri pembinaan yang memberi perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal (M&E). Idea asal yang digarap di dalam buku ini adalah berdasarkan pengalaman pahit manis sebenar yang ditelusuri oleh penulis sepanjang mencebur dunia perniagaan.

Perkongsian idea dimulakan dengan tip mewujudkan pelbagai persoalan yang seringkali dihadapi oleh individu yang baru mencebur atau ingin memulakan perniagaan. Kesukaran dan kegagalan adalah cabaran yang akan membawa kita lebih dekat kepada kejayaan. Turut ditegaskan di dalam buku ini berkaitan lima perkara untuk perniagaan yang berjaya ialah keinginan yang kuat, keputusan /

matlamat yang tepat, tekad, disiplin, dan destinasi / hala tuju yang jelas. Bukan mudah sebenarnya untuk memulakan perniagaan sekiranya tidak mempunyai wang, pengetahuan, kemahiran, dan pengalaman yang mencukupi. Namun, dorongan utama adalah keinginan yang kuat untuk mengubah hidup sendiri dan keluarga serta situasi kewangan kepada yang lebih baik.

Dalam kupasan berikutnya, buku ini menekankan keperluan menyediakan perancangan yang terperinci bagi memastikan sasaran dan matlamat dapat dicapai. Ianya dapat dilaksanakan sekiranya individu sentiasa meningkatkan diri dengan pengetahuan perniagaan secara berterusan. Konsep pembelajaran sepanjang hayat perlu diaplikasikan dengan menjadikan aktiviti ilmu seperti ceramah, seminar, membaca buku dan sebagainya untuk memperbaiki diri.

Banyak contoh kejayaan usahawan yang dipetik daripada pelbagai bahan bacaan yang boleh dijadikan panduan dan sumber inspirasi. Ini termasuklah, kisah kejayaan Tan Sri Goh Tong dalam buku *My Story (Kisah Saya)* dan kisah Mary Ash Kay (pengasas syarikat kosmetik Mary Kay) dalam buku *101 Collection: What Every Leader Needs To Know* karya John C. Maxwell.

Dalam tip seterusnya, penulis disarankan keperluan melantik mentor, jurulatih dan individu lain yang bersesuaian ke dalam pasukan perniagaan bagi memantapkan syarikat selain menjadikan setiap usahawan lebih berinspirasi dan bermotivasi. Contohnya Azizi Ali, seorang jurulatih kewangan yang juga merupakan seorang penulis yang banyak menulis buku mengenai kewangan khusus untuk mempelajari teknik pengurusan kewangan yang berkesan.

Kepimpinan adalah sesuatu kemahiran yang perlu dipelajari dan diasah secara berdisiplin. Keupayaan mengendalikan tugas dan masalah membuktikan setiap usahawan mempunyai kualiti yang cemerlang sebagai seorang pemimpin. Buku ini seterusnya membawa pembaca berfikir secara lebih serius untuk belajar menguruskan wang tunai yang diakui sebagai perkara paling mencabar. Kegagalan mengendalikan kewangan akan menyebabkan perniagaan gulung tikar atau lingkup. Tidak kira berapa banyak wang yang masuk, kita perlu meletakkan peratusan tertentu ke dalam

simpanan terlebih dahulu.

Turut dipaparkan untuk dikongsi bersama dengan pembaca adalah mengenai peluang dan kerjasama pintar yang perlu diadakan dan disertai. Ini termasuklah sama ada melalui medium bercetak atau elektronik. Contoh-contoh kejayaan dikongsikan seperti mengembangkan perniagaan melalui penglibatan yang aktif dalam rangkaian termasuklah di Business Network International (BNI), Dewan Perniagaan Industri Melayu Singapura (SMCCI), Dewan Perniagaan dan Persatuan Syarikat Kecil dan Sederhana (ASME) dan lain-lain.

Seterusnya, naskhah ini menekankan kepentingan mempunyai sikap integriti, dan amalan nilai murni untuk terus disenangi oleh pelanggan. Dalam konteks ini, beberapa nama usahawan terkenal di seluruh dunia yang pada awalnya mengalami kesukaran tetapi akhirnya muncul sebagai usahawan korporat yang disegani antaranya, Donald Trump, Robert Kiyosaki dan Jim Rohn.

Gaya penyampaian dan bahasa yang mudah untuk difahami menjadikan pembaca lebih santai namun tetap sarat dengan mesej berguna dan padat dengan sumber rujukan yang berkualiti.

Buku *12 Tip Usahawan Berjaya Tanpa Modal* yang merupakan terjemahan dari bahasa Inggeris iaitu *12 Lessons To Build A Profitable Business With Zero Capital* adalah karya yang sangat berinformasi dan amat sesuai dibaca serta dijadikan bahan rujukan terbaik untuk individu atau syarikat yang ingin memulakan perniagaan tetapi tidak mempunyai wang untuk bermula atau tidak mempunyai modal yang mencukupi. Sekiranya anda ingin menjadi seorang usahawan, membaca buku ini akan dapat memberi anda inspirasi dan motivasi yang diperlukan.

---

**Pengulas:**

**Zuliana Ab. Rashid**

Penolong Pengarah  
Bahagian Pakar Maklumat  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



MUHAMMAD HAIYE AL-ALWI  
**15 Sebab Tertutupnya Pintu Rezeki**  
Johor Bahru : Pustaka Azhar, 2012. 224ms.  
ISBN 978-967-0156-79-8

## ULASAN

Naskhah yang diberi judul *15 Sebab Tertutupnya Pintu Rezeki* ini menghuraikan beberapa perkara termasuklah cara hidup yang boleh menjadi punca tertutupnya pintu rezeki. Buku ini secara tidak langsung mengupas mengenai hadis-hadis mahupun firman Allah SWT yang berkaitan dengan isu-isu yang dibangkitkan. Jelas sekali penulisan buku ini bertujuan memberikan kita kesedaran bahawa cara hidup dan tingkahlaku kita boleh mempengaruhi rezeki yang dikurniakan Allah SWT. Ianya penting bagi kita umat manusia untuk sama-sama mengambil manfaat bagi meningkatkan amal ibadah dan berubah ke arah yang lebih baik dalam mengharapkan rezeki yang halal untuk menampung kehidupan kita dan mencari lebih keredhaan-Nya.

Buku ini dibahagikan kepada 15 bab yang banyak menghuraikan secara terperinci mengenai isu yang diketengahkan termasuklah dengan rujukan dari hadis-hadis nabi terdahulu dan juga firman-firman Allah SWT bagi menyokong setiap pandangan

mahupun ilmu yang dikongsikan. Ini penting bagi menguatkan lagi setiap pendapat sekaligus memberi lebih kefahaman kepada pembaca. Selain itu, penulis juga menyelitkan beberapa cerita yang berlaku pada zaman para nabi dan sahabat bagi sesetengah perkara seperti yang terdapat pada bab 3 yang menceritakan mengenai zaman Nabi Sulaiman dan bagaimana Islam memerintahkan agar kita patuh kepada ibu dan bapa. Cerita-cerita zaman nabi ini kebanyakannya memberi kita teladan mahupun pengajaran untuk difikirkan dan diamalkan.

Penderhakaan si isteri kepada suami yang juga merupakan salah satu perkara yang boleh menyebabkan tertutupnya pintu rezeki. Buku ini turut menyebut mengenai perkahwinan, ketaatan isteri pada suami, aurat wanita, penolakan poligami dan penghinaan kepada suami. Cerita Israk dan Mikraj di mana Rasulullah SAW telah melihat pelbagai penyiksaan terhadap wanita akibat perbuatan mereka di dunia seperti mengumpat, wanita yang tidak menjaga aurat, wanita yang keluar dari rumah tanpa izin suami dan sebagainya.

Ibnu Abbas berkata, Rasulullah SAW melaknat lelaki yang menyerupai perempuan dan perempuan yang menyerupai lelaki. Jelas di dalam hadis tersebut bahawa terdapatnya larangan wanita menyerupai lelaki termasuklah dari segi suara, watak mahupun penampilan yang berupa pakaian. Selain itu, kita juga dilarang keras untuk menyerupai orang kafir dari segi makanan dan tingkahlaku. Ia juga secara tidak langsung menyentuh mengenai pemakaian salib dan perintah untuk memusnahkan tanda salib.

Selain itu, pengabaian terhadap pendidikan anak-anak juga boleh mengakibatkan rosaknya anak seterusnya menutup pintu rezeki ibu bapa. Kerap memarahi anak, sibuk dengan kerja dan harta dunia, tidak meluangkan masa untuk keluarga serta selalu memandang remeh pada anak-anak dikira sebagai satu bentuk pengabaian.

Terdapat banyak fakta diperkuuhkan dengan petikan-petikan al-Quran yang berupa firman Allah dan buku ini diakhiri dengan huraian sebab-sebab wanita dan lelaki ditutup pintu rezekinya. Buku penulisan Muhammad Haiye Alawi ini sangatlah wajar dijadikan rujukan dalam kita mencari-cari penyelesaian terhadap masalah yang kita hadapi sehari-hari terutamanya dalam mencari rezeki. Surah at-Thalaq ayat 3 menyatakan “

barang siapa bertawakal kepada Allah, nescaya Allah akan mencukupkan (keperluannya)”.

**Pengulas:**

***Noor Shazila Johari***


Penolong Pegawai Perpustakaan

Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan

Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



NORMAN MOHD NORAWI  
**8 Rahsia Menguruskan Badan Tanpa 'Berdiet' : Dari Perspektif Sains Dan Sunnah**  
Melaka : Norman Mohd Norawi, 2012. 182ms.  
ISBN 978-986-10545-0-5

## ULASAN

Buku ini merupakan panduan untuk menurunkan berat badan dengan cara yang sihat dan betul. Antara perkara yang menarik dibincangkan dalam buku yang mengandungi 10 bab ini, memahami berat badan anda, peranan senaman dalam menguruskan badan, kepentingan suplemen dan air, pemakanan sihat sepanjang hayat dan sebagainya.

Sebagai pengenalan kepada intipati kandungannya, buku ini membincangkan masalah dan faktor-faktor yang menyumbang kepada kegemukan serta kesan dan akibat daripadanya. Perkara yang paling utama sebelum menguruskan berat badan, kita perlu memahami berat badan kita agar dapat melakukan dengan cara yang betul dan teratur disentuh iaitu rahsia pertama: memahami berat badan anda. Penulis turut memberikan formula untuk mengira indeks jisim tubuh (BMI) dan kadar metabolik asas (BMR). Huraian terperinci berkaitan rahsia ketiga iaitu indeks dan beban glisemik yang merupakan perkara yang berkaitan dengan pengambilan karbohidrat pemakanan

seharian kita, turut disentuh di dalam buku ini.

Selain itu, buku ini menyentuh tentang rahsia keempat iaitu sindrom metabolik dan hormon. Penulis turut merujuk dan membincangkan hasil penulisan Dr Ray Starand M.D, mengenai sindrom metabolik termasuk kesan dan akibat daripadanya. Manakala rahsia kelima adalah peranan senaman dalam menguruskan badan turut dijelaskan. Senaman adalah perkara paling penting dalam menjaga kesihatan tubuh badan. Ini kerana senaman merupakan salah satu aktiviti yang sihat di samping mempunyai banyak faedahnya. Pelbagai jenis senaman boleh dilakukan bagi mengelakkan kebosanan dengan rutin yang sama mengikut kesesuaian diri dan masa.

Buku ini turut mengupas tentang rahsia keenam iaitu kepentingan suplemen dan air dalam menjaga kesihatan diri. Ini kerana pengambilan suplemen akan dapat membantu mendapatkan berat badan yang ideal selain berfungsi sebagai penampung keperluan zat-zat makanan yang kita ambil. Air juga memainkan peranan penting dalam menguruskan badan. Air yang mencukupi dapat menurunkan berat badan dengan lebih mudah kerana ia membantu mengurangkan kuantiti makanan yang kita ambil pada setiap hidangan.

Perbincangan dalam buku ini turut menyentuh tentang rahsia ketujuh iaitu tekanan dan tidur dalam menguruskan badan. Mengawal tekanan dan tidur yang berkualiti turut memainkan peranan dalam menguruskan berat badan. Rahsia kelapan adalah mengenai pil kurus dan gantian hidangan turut dibincangkan. Pengambilan pil kurus akan mendatangkan kesan sampingan yang merbahaya sekiranya diambil tanpa pengawasan atau nasihat dari doktor. Ini kerana pil kurus akan mengawal selera makan, meningkatkan metabolisme tubuh dan menyekat penyerapan makanan tertentu. Selain itu, cara yang cepat untuk menurunkan berat badan adalah menggunakan produk gantian hidangan. Ia berfungsi menggantikan hidangan makanan yang biasa diambil seperti nasi dan lauk. Namun ia tidak praktikal untuk jangkamasa panjang kerana perlu berbelanja besar, di samping rasanya yang tidak enak serta syarat penggunaannya yang agak ketat.

Buku setebal 182 halaman ini turut membincangkan tentang pemakanan sihat

sepanjang hayat. Piramid makanan perlu dijadikan panduan untuk menurunkan berat badan memandangkan ia mempunyai kombinasi zat-zat makanan yang sesuai bagi setiap hidangan yang diperlukan oleh badan kita.

Buku ini amat mudah difahami oleh pembaca kerana penulis menerangkan dengan jelas setiap perkara yang dibincangkan. Setiap bab yang dibincangkan dalam buku ini saling berkaitan yang mana memudahkan pembaca memahami skop penulisan buku ini. Setiap perkara yang diutarakan oleh penulis juga turut dijelaskan dari sudut pandangan al-Quran dan hadis. Penulis juga turut menyediakan formula-formula, contoh-contoh makanan yang sesuai serta statistik yang berkaitan bagi menyokong kajiannya. Selain itu, pelbagai sumber rujukan turut disertakan bagi menguatkan lagi isi perbincangannya.

Buku ini sesuai dibaca oleh mereka yang berminat untuk menguruskan berat badan khususnya golongan dewasa memandangkan buku ini mengandungi istilah-istilah perubatan yang mungkin tidak boleh difahami oleh golongan kanak-kanak. Secara keseluruhan, penulis berharap agar buku ini dapat dijadikan panduan bagi seseorang yang mengalami masalah berat badan untuk menurunkan berat badan yang ideal tanpa perlu menahan lapar.


**Pengulas:**

***Farah Aliza Abd Aziz***

Penolong Pengarah  
Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



MOHD. NAJIB TUN HAJI ABDUL RAZAK, DATO' SRI  
**Agenda Islam Dalam Transformasi Negara**  
Putrajaya : Sekretariat Ulama Umara, 2012. 232ms.  
ISBN 978-967-11268-0-6

## ULASAN

Buku bertajuk *Agenda Islam Dalam Transformasi Negara*, setebal 232 muka surat ini mengandungi koleksi ucapan dan perutusan Perdana Menteri mengenai isu berkaitan agama Islam dalam media cetak seperti Utusan Malaysia dan Berita Harian. Dalam pendahuluan buku ini, Najib berkata buku ini mengandungi agenda dan mesej yang berguna untuk dihayati dan difahami oleh segenap lapisan rakyat di negara ini. Buku yang diterbitkan oleh Sekretariat Ulama-Umara (UMUM) dan Yayasan 1Ummah turut dilengkapi dengan gambar-gambar menarik dan keratan-keratan akhbar tempatan.

Tiga tahun pemerintahan amat pantas berlalu bagi Najib. Pelbagai cerita dilakar dengan kerajaan yang dipimpinnya merintis perjalanan bermula dengan teras transformasi dalam sistem pentadbiran negara. Sedutan ucapan beliau adalah nyata, kisah perjalanan seorang Perdana Menteri menerajui pentadbiran negara.

Terdapat 11 agenda dan 6 perutusan daripada Najib Tun Razak. Agenda tersebut

berlatarkan agama Islam, Peranan Ulama Umara, Institusi Kehakiman, Mahkamah Syariah, Konsep 1 Malaysia 1 Ummah dan lain-lain. Perutusan pula menyentuh transformasi dalam hijrah, pengorbanan, transformasi dalam bulan Ramadhan, al-Quran dan Rahmat Israk Mikraj.

Sedikit bait kata Najib... “Malahan kita tidak pernah menutup pintu kerjasama dan rundingan dengan sesiapa sahaja sama ada individu, mana-mana parti mahupun NGO. Kita juga tidak pernah mengenakan apa-apa syarat kerana bagi kita kepentingan umat dan rakyat sentiasa diutamakan berbanding kepentingan kelompok-kelompok tertentu” menunjukkan beliau ikhlas dalam perjuangannya dalam menerajui kepimpinan Malaysia.

Peranan Ulama Umara yang ditransformasi oleh Najib dalam pembangunan negara penting dalam merealisasikan Gagasan 1Malaysia. Kerajaan memperuntukkan sumbangan kewangan kepada NGO-NGO Islam bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti masyarakat dan dakwah. Institusi kehakiman juga disentuh dan Najib menegaskan bahawa Prinsip Keadilan Sosial yang menjadi salah satu teras perpaduan dalam gagasan dan amat bertepatan dengan konsep 1Malaysia.

Pembestarian Guru Takmir amat dinantikan oleh Guru-guru Takmir iaitu kenaikan elauan dari RM40 kepada RM100 bagi satu sesi kuliah. Elauan yang ditambah merupakan penghargaan kepada Guru Takmir bagi memartabatkan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan sewajarnya. Keprihatinan Najib dalam menjana transformasi ummah amat bertepatan dengan Prinsip Keadilan Sosial. Najib juga menegaskan beliau di negara kita perlu diperkasa dan masjid perlu diimarahkan lagi dalam agenda transformasinya.

Bagi mentransformasi dan membina negara bangsa, selain Gagasan 1Malaysia dengan slogan ‘Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan’, tonggak-tonggak lain ialah Program Transformasi Kerajaan (GTP), Model Baru Ekonomi (MBE), Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) dan Wawasan 2020. Hal ini membolehkan negara mencapai keharmonian perpaduan nasional dan melonjak prestasi ekonomi yang stabil serta mencapai negara yang berkompetitif dan berpendapatan tinggi.

Jika kita pernah menonton filem Allahyarham Tan Sri P.Ramlee, lirik lagu ‘Berkorban apa sahaja...’ menunjukkan Najib mengetepikan segala kepentingan diri demi kesejagatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia. “Semua pihak harus memainkan peranan masing-masing untuk memastikan segala apa yang telah dirancang akan dapat dilaksana dengan sebaik-baiknya demi untuk kesejahteraan rakyat” ujarnya.

Buku ini diolah dengan gaya penulisan yang mudah difahami dan jelas menunjukkan satu transformasi YAB Perdana Menteri dalam mempertahankan kesatuan ummah. Pendekatan yang dibawa juga melalui firman Allah yang boleh kita rujuk dalam buku ini. Pelbagai gambar boleh dirujuk sebagai tanda seriusnya beliau dalam memajukan negara. Ulama dan umara mempunyai hubungan yang istimewa. Mereka menggalas tanggungjawab besar dalam menentukan kesejahteraan rakyat serta negara. Pembaca akan memahami dengan lebih jelas apakah yang dikatakan dengan agenda Islam dalam transformasi negara dengan membaca buku ini.


**Pengulas:**

***Muhammad Azizi Muhamad Rani***

Penolong Pegawai Perpustakaan  
Bahagian Gerakan Literasi Maklumat  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



STAPA OMAR, DATO'  
**Berani Kaya : ...Untaian Kisah Pahit Manis Seorang Usahawan**  
Kuala Lumpur : Dato' Dr Stapa bin Omar, 2012.  
352.ms.  
ISBN 978-967-11318-0-0

## ULASAN

Buku motivasi ini ditulis berikutan dengan kejayaan penulis dalam bidang perniagaan yang diceburi bersama isterinya. Penulis telah berjaya membangunkan beberapa empayar perniagaan seperti rangkaian pemasaran, fancais, restoran, penerbitan, perkilangan, peruncitan, butik, hartanah, kontraktor, pelancongan, pengiklanan, koperasi, yayasan dan pelatihan (keusahawanan dan motivasi).

Terjemahan untaian pengalaman seorang usahawan ke dalam beberapa peringkat berkisarkan tentang ‘kaya’ bermula dari takrif kaya, indahnya kaya, mimpi kaya dan seterusnya langkah-langkah yang patut diambil untuk menjadi seorang yang kaya dengan menitik beratkan tentang kebijaksanaan mengambil peluang dan kecekapan pengurusan kewangan.

Pelbagai petikan yang memberangsangkan minda diambil dari tokoh-tokoh terkenal seperti Albert Einstein, menyokong hujah-hujah penulis dalam proses menuju kejayaan.

Untuk menjadi kaya, seseorang itu perlu mempunyai imej yang positif, seterusnya berimajinasi ke arahkekayaan kerana dengan imaginasi yang baik, pintu laluan kepada kekayaan itu akan terbuka. Kekayaan itu adalah penting kerana kemiskinan akan membuat seseorang menjurus ke arah kekuatan kerana kesempitan dan desakan hidup. Oleh itu, penulis amat menekankan tentang masa sebagai modal kekayaan nombor satu dalam hidup. Justeru itu, masa adalah matawang yang paling berharga dan ia adalah modal kerja yang paling penting.

Berdasarkan misi dan visi yang jelas, naskhah ini membawa pembaca untuk mula mengira peluang yang diberikan kepada setiap orang yang hidup sehingga umur 60 tahun dan juga membandingkan dengan masa yang diberikan. Antara kupasan yang paling menarik di bawah topik ini adalah teori keajaiban penggandaan oleh Albert Einstein dan mengaplikasikan teori tersebut ke dalam bentuk masa dengan menggandakan modal (masa) dengan lebih teratur dan sistematik yang membawa kepada jaringan perniagaan berorientasikan rangkaian pemasaran sebagai perniagaan induk penulis. Masa ini juga hanya akan memberi manfaat jika disertai dengan disiplin.

Beberapa nilai-nilai murni yang disentuh bagi memenuhi kriteria menuju kekayaan seperti menyumbang sesuatu (memberi), bukan sekadar menerima, senyum kerana ia adalah ketenangan dan kedamaian, lakukan sesuatu dengan ikhlas dan kasih sayang, berdoa dan juga bertanggungjawab, memberi perkhidmatan dan kerjasama, sering memberi penghargaan kepada orang lain dan juga diri sendiri, adil dan prihatin dan sentiasa bersedekah kepada yang memerlukan.

Terdapat satu petikan daripada Hamka yang berbunyi ‘kegagalan adalah satu titik penyambungan kepada titik kejayaan’. Buku ini juga menghidangkan beberapa kisah tokoh-tokoh yang telah gagal sebelum menjadi kaya seperti Thomas Alva Edison yang gagal meneruskan pembelajarannya di sekolah, Abraham Lincoln dilahirkan di sebuah pondok using dan miskin, bahkan mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir juga pernah tewas dalam pilihanraya dan dipecat dari Parti UMNO, namun tokoh-tokoh tersebut telah berjaya dengan cemerlang kerana menurutnya kegagalan mengajar erti kehidupan dan makna kejayaan. Sehubungan itu, kita perlu bijak menukar sesuatu rintangan itu untuk menjadi satu peluang.

Dua ciri utama membuatkan seseorang itu gagal ialah orang yang suka bertangguh dan suka memberikan alasan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh matlamat yang tidak jelas, anggaran masa yang tidak realistik, tidak merancang kerja, tidak mencatat tugas, tidak mempunyai alasan yang kukuh untuk melakukan sesuatu, terlalu banyak tugas yang ingin dilaksanakan dalam satu masa, tidak minat pada tugas, mengharapkan kesempurnaan tanpa usaha, dan sentiasa berkawan dengan pakar tangguh. Oleh itu, penawar kepada penyakit ini adalah ciri-ciri bertentangan dengan matlamat yang tidak jelas itu tadi. Penulis menekankan lagi, setiap penyakit mesti ada ubatnya, dan setiap masalah ada jalan penyelesaian.

Perkara yang penting dalam membina kekayaan adalah menabung, seseorang itu wajib membetulkan aliran kewangan jika mahu kaya dengan mengambil beberapa langkah utama seperti menyimpan sebelum berbelanja. Berbelanja ikut keutamaan, melabur dan juga beramal. Namun begitu, dalam mengejar kekayaan, jangan sampai gagal bermohon kepada Tuhan untuk satu keberkatan. Mengabdikan diri sebagai hamba-Nya, tetapkan diri dan yakin Allah akan memakbulkan permohonan kita.

Kesimpulannya, untuk menjadi kaya, seseorang itu perlu tetap berjuang dan berkorban walaupun ia sangat menyakitkan. Tabah menghadapi ujian tidak kira betapa sukarnya perjalanan itu dan bersyukur apabila diuji Tuhan dan juga sentiasa peka kepada perubahan sekeliling dari masa ke masa.


---

**Pengulas:**

***Izwah Taib***

Penolong Pengarah  
Bahagian Rangkaian Perpustakaan  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



HAZRUL HIZAM KARIM

**Jadi Bos Hebat! : Dikagumi, Disayangi & Dihormati**

Shah Alam : Grupbuku Karangkraf (Alaf 21), 2012.

255ms.

ISBN 978-983-124-752-5

## ULASAN

Buku ini bertemakan bidang pengurusan dan pentadbiran yang menjurus kepada peranan, tanggungjawab, sikap dan sifat sebagai seorang ketua yang hebat serta luar biasa di sesbuah organisasi. Buku bertemakan motivasi santai ini mengandungi tip-tip bagaimana hendak menjadi seorang ketua yang hebat daripada semua segi. Ketua yang hebat mampu membuatkan seseorang pekerja itu bermotivasi untuk melaksanakan tugasnya sebagai seorang pekerja.

Apakah anda bijak dalam memimpin staf anda di pejabat? Karakter ketua yang kurang berkebolehan dan kerap bertindak mengikut perasaan hanya menakutkan dan merendahkan motivasi pekerja di bawah seliaan anda. Jika keadaan seumpama ini berlaku, ia akan menjadi dinding penghalang kepada pembentukan sebuah suasana yang harmoni dalam sesbuah organisasi. Pekerja pula akan terjerat dalam tugasannya yang rutin semata-mata, dan tidak langsung memandang kepada masa hadapan organisasi kerana takut dimarahi oleh ketua mereka.

Kita seringkali mendengar pekerja-pekerja bawahan berkenaan sikap ketua yang kelihatan agak sompong pada kaca mata mereka. Hal seumpama ini amat merugikan kerana ia bakal mengancam kelancaran proses kerja di organisasi itu sendiri. Jika pekerja anda bekerja tanpa keyakinan malah lebih kepada terpaksa, kualiti organisasi pastinya akan merudum. Kita sering mendengar pekerja bawahan mengutuk ketua mereka, namun sukar pula kita mendengar pekerja bawahan yang memuji-muji serta berbangga dengan ketua mereka.

Ketua memainkan peranan yang sangat penting untuk kemajuan organisasinya. Peranan-peranan seorang ketua untuk meningkatkan kejayaan pekerjanya, di antaranya ialah ketua hendaklah bersikap dan bertindak adil dalam semua perkara, menjadi pendengar yang baik kepada pekerja, peramah, mesra dan mudah didekati, sopan dan beradab. Di samping itu, ketua juga hendaklah boleh dipercayai kerana dengan ini semua pekerja akan merasakan mereka akan mendapat hak mereka selayaknya. Kepercayaan datang dari hati dan dibuktikan melalui tindakan. Ketua juga perlu menghormati hak pekerja, konsisten dalam membuat keputusan, menyandarkan keputusan dengan alasan yang betul dan bersedia membatalkan keputusan yang terbukti tidak akan berjaya. Apa yang penting adalah anda sendiri yang perlu berusaha untuk memantapkan diri agar disenangi oleh semua pekerja bawahan di organisasi anda.

Menjadi seorang ketua di sesbuah organisasi bukanlah sesuatu yang mudah. Sebagai seorang ketua, tanggungjawab beliau bukan sahaja memastikan anak-anak buah sentiasa menyampaikan apa yang diinginkan oleh anda atau organisasi tempat anda bekerja. Ia sebenarnya lebih dari itu. Ketua mempunyai tanggungjawab untuk memberikan segala kemudahan dari segi persekitaran dan psikologi untuk mereka. Suasana kerja yang menarik, memberansangkan dan beraura positif akan memberikan impak yang baik terhadap pekerja terutama dari segi produktiviti.

Selain tip yang berguna untuk menjadi ketua yang hebat, kandungan lain yang dimuatkan di dalam buku ini merangkumi pengalaman lampau penulis dan juga pengalaman rakan-rakan beliau yang boleh menjadi sumber inspirasi kepada kita sebagai pembaca untuk mengikutinya. Gaya bahasa buku ini mudah difahami oleh

pembaca.

Kumpulan sasaran pembaca buku ini ialah mereka yang berada di dalam ruang lingkup bidang pengurusan dan pentadbiran. Buku ini sesuai dibaca oleh para eksekutif muda dan juga golongan para graduan kerana untuk menjadi ketua yang hebat, selain daripada pengalaman, pembacaan buku sebegini mampu memberi impak yang besar dalam mencorak gaya kepimpinan seseorang.

Buku ini banyak memberi input yang bermanfaat untuk menjadi seorang ketua yang efektif, disayangi dan dihormati. Banyak tip-tip yang diberikan secara terperinci beserta dengan contoh yang memudahkan pembaca mempelajari bagaimana untuk menjadi seorang ketua yang disegani dan dihormati. Semua penerangan yang dimuatkan di dalam buku ini amat bermanfaat dan berguna kepada para pembaca sekalian.

**Pengulas:**

***Sharil Lariwoo***

Penolong Pengarah  
Bahagian Khidmat Nasihat Dan Perundingan  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



KHAIRUL FADHLI  
**Jimat Wang, Hati Senang! : 93 Teknik Untuk Menjimatkan Wang = Cara Mudah Dan Berkesan!**

Petaling Jaya : True Wealth, 2012. 239ms.  
ISBN 978-967-5428-93-7

## ULASAN

Pengurusan kewangan adalah perkara yang perlu diberikan perhatian yang serius oleh setiap individu. Jika pengurusan kewangan bagi individu tersebut baik, maka keadaan menjadi lebih mudah untuk mereka merancang dengan baik pelbagai aspek kehidupan yang lain seperti perancangan keluarga, kerjaya, memulakan perniagaan, membuat pelaburan dan zaman persaraan. Asas kepada pengurusan kewangan adalah berdasarkan tabiat kita berbelanja.

Buku ini adalah buku yang wajib dibaca oleh pembaca yang sangat mementingkan pengurusan kewangan dalam kehidupan seharian. Buku ini memberikan banyak teknik kewangan kepada para pembaca. Kos sara hidup masa kini adalah semakin tinggi dan memberikan banyak tekanan kepada sesiapa ju. Semua harga barang keperluan naik dengan mendadak. Justeru, penulis telah menampilkan sebanyak 93 teknik yang telah ditulis secara terperinci yang pastinya dapat menjimatkan wang dalam menguruskan kewangan peribadi dan keluarga.

Strategi utama dalam buku ini yang sememangnya prinsip nombor satu jutawan ialah berjimat cermat. Para pembaca dapat mengaplikasikan 93 teknik yang dijelaskan dengan pelbagai contoh sebenar yang mudah. Gaya bahasa yang mudah dan ringkas juga akan dapat memudahkan para pembaca memahami teknik penjimatan yang ingin disampaikan.

Selain berjimat cermat, pembaca turut disaran supaya bijak menguruskan kewangan untuk mencapai kebebasan kewangan. Kita hendaklah memastikan wang yang telah dijimatkan dapat dikembangkan dengan cepat dan banyak. Wang yang lebih banyak ini boleh diperoleh dengan pelbagai cara seperti yang telah diketengahkan di dalam buku ini.

Seterusnya disarankan supaya mempunyai matlamat dan perancangan kewangan yang jelas dan realistik. Tanpa adanya matlamat dan perancangan, dikhawatir kita akan gagal memanfaatkan setiap sen yang kita miliki. Perancangan yang paling utama ialah dari manakah sumber pendapatan anda dan di mana anda ingin membelanjakannya? Berapakah sasaran penjimatan yang anda ingin capai? Apakah yang anda ingin lakukan dengan wang penjimatan yang bakal diperolehi? Apakah strategi anda untuk menambahkan pendapatan? Apakah tindakan segera yang perlu anda ambil bermula pada hari ini juga?

Pengalaman dan kelayakan penulis sebagai seorang ahli akademik menjadikan buku ini lebih diyakini dan istimewa. Sekiranya kita benar-benar ingin berubah untuk menjadi seorang yang lebih berjimat-cermat dan mencapai tahap kebebasan kewangan, maka panduan ini amat sesuai dan bakal membantu untuk merealisasikannya. Buku ini turut merupakan satu pelaburan berbaloi untuk para pembaca.

**Pengulas:**

***Suhana Adnan***

Penolong Pengarah  
Bahagian Rangkaian Perpustakaan  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



AKMAL HJ. M. ZAIN.  
**Perubatan Semulajadi Dari Herba**  
Batu Caves, Selangor : Crescent News (K.L.), 2012.  
296 ms.  
ISBN 978-967-5950-05-6

## ULASAN

Buku ini pada asalnya diterbitkan oleh Daar Al Hadrah Linnasyr Wattawzi' Riyadh. Penulis mengumpulkan maklumat dari pelbagai bahan antaranya Majalah Keluarga, Forum Telephon, Dunia Keluarga, Akhbar Semenanjung, Surat Khabar Daerah dan Majalah Ceria. Pelbagai kajian telah dirungkaikan dengan perubatan semulajadi daripada herba. Penulis bijak mengetengahkan penyakit yang begitu sinonim dengan kita pada masa kini seperti osteoporosis, kencing manis, asma dan kanser. Tidak ketinggalan juga teknik-teknik pelangsingan melalui pemakanan buah-buahan.

Tulang merupakan unsur yang paling asas pada tubuh manusia. Osteoporosis merupakan penyakit yang sering dikaitkan dengan tulang. Buku ini menerangkan kaedah menjaga tulang daripada osteoporosis. Dengan inilah perubatan alternatif semulajadi dari herba dirungkai.

Penggunaan kopi, teh, afidra, nipper, adas manis, biji adas dan kayu manis dalam

perubatan penyakit asma, salah satu penyakit yang menyerang paru-paru yang berlaku kerana ada penyumbatan salah satu bahagian di dalam saluran pernafasan.

Pelbagai jenis buah-buahan serta khasiatnya terdapat dalam buku ini. Buah yang kaya dengan vitamin, menghilangkan keletihan, pengganti insulin dan kelangsungan, antaranya seperti nanas, kurma dan strawberi. Selain itu, khasiat halia dan madu sebagai ubat herbal juga disentuh dalam perubatan semulajadi dan herbal. Minyak juga mempunyai pelbagai khasiat (minyak-minyak yang terpilih). Khasiat minyak zaitun, minyak esensial (asas), dan minyak bijan mempunyai khasiat yang tersendiri. Khasiat susu juga diterangkan dalam buku ini.

Ubat herbal dan unsur-unsur alam lain dalam tanaman adalah tetap sebagai asas utama daripada kebanyakan produk farmasi moden. Tidak hairanlah kini penyembuhan semulajadi dan jamu serta ubat herbal menjadi pilihan masyarakat kerana kita tahu ubat farmasi moden mempunyai bahan kimia secara tidak kita sedari.

Tidur, keselesaan dan perlindungan bagi tubuh serta menjaga kekebalan tubuh sangat dititikberatkan. Selain perubatan semulajadi, terdapat juga cara ataupun tip dari penulis untuk mencegah imsomnia dan gejala-gejala alahan. Pengetahuan tentang sakit kepala juga diterangkan dalam buku ini. Sakit kepala umum, sakit kepala kerana diet, sakit kepala alergi dan sakit kepala disebabkan tekanan darah tinggi.

Penyakit seperti penyakit jantung dan kadar gula serta darah rendah adalah salah satu masalah kesihatan yang perlu masyarakat ambil berat. Masalah tidak berhenti pada penyakit jantung sahaja, ianya meluas kepada masalah-masalah kronik lain. Panduan lengkap untuk melawan penyakit jantung juga disertakan untuk dijadikan panduan kepada pembaca.

Dari segi teknik penulisan, pembaca mungkin sedikit tertanya-tanya dengan perkataan yang digunakan seperti ubat nabati, zat bromelin dan lain-lain. Tapi usah risau kerana terdapat bimbingan untuk pembaca mengetahui apakah maksud-maksud perkataan yang digunakan melalui penerangan yang diberi. Gaya persembahan buku mampu menarik minat pembaca untuk terus membuka helaian seterusnya. Buku ini sesuai

dibaca oleh semua golongan tidak kira tua atau muda, kerana tip-tip dan penerangan yang diberikan boleh dijadikan panduan kepada pembaca dan boleh amalkan untuk kehidupan yang lebih sihat, siapa tahu!


**Pengulas:**

*Rosmini Ismail*

Penolong Pegawai Perpustakaan Kanan  
Bahagian Gerakan Literasi Maklumat  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



PANG, DESMOND  
**Rahsia Kunci Kejayaan Jualan Langsung**  
Kuala Lumpur : Kanyin Publications, 2012. 260ms.  
ISBN 978-983-3789-48-1

## ULASAN

Buku ini mengungkapkan kebenaran jualan langsung. Ianya bertujuan untuk memberitahu pembaca bahawa jualan langsung adalah cara terbaik untuk mewujudkan impian seseorang. Jualan langsung juga akan memberi peluang kepada pembaca untuk memahami potensi perniagaan jualan langsung.

Menurut buku ini, untuk berjaya dalam jualan langsung kita harus mempunyai 3 ciri-ciri iaitu memiliki impian yang besar, memiliki impian yang besar dan memiliki impian yang besar! Ringkasnya, orang-orang yang berjaya memiliki impian besar dan bersifat mesti memiliki, penuh gagasan dan aspirasi, ingin berubah daripada biasa kepada luarbiasa, daripada luarbiasa kepada berjaya dan akhirnya daripada berjaya ke puncak kecemerlangan.

Jualan langsung adalah trend masa hadapan kerana semakin banyak industri telah menghasilkan struktur jualan langsung tersendiri. Ini adalah kerana pada masa akan

datang, tidak ada orang yang mahu bekerja untuk orang lain. Kedua tekanan ekonomi dan inflasi yang tinggi dan ketiga pada hadapan tidak ada orang yang ingin menjadi bos. Ketiga-tiga alasan ini menunjukkan bahawa semua orang ingin menjadi “freelancer”. Ada enam golongan yang paling sesuai untuk melakukan jualan langsung iaitu pekerja, suri rumah, pesara atau veteran, profesional, bos-bos syarikat bersaiz sederhana dan remaja.

Buku ini juga menerangkan tentang empat budaya perniagaan jualan langsung. Budaya tersebut ialah peraturan 3S (menjual, memberi khidmat dan menaja), jualan langsung adalah perniagaan dan bukan skim cepat kaya, menjadikan jenama profesional sebagai matlamat dan membentuk budaya kualiti.

Penulis menggunakan gaya bahasa yang mudah difahami oleh pembaca dengan memberi tip-tip untuk seseorang berjaya dalam jualan langsung. Kumpulan sasaran pembaca buku ini ialah mereka yang ingin menceburi bidang jualan langsung. Buku ini juga sesuai dibaca oleh para eksekutif muda dan juga golongan manusia yang bercita-cita menjadi jutawan dalam perniagaan pelbagai arus (MLM). Selain itu, seorang pemimpin berjaya akan mampu melahirkan orang bawahannya untuk berjaya dalam kehidupan mereka seperti mengatasi masalah kewangan.


Kesimpulannya, buku ini banyak memberi input yang bermanfaat untuk menjadi seorang pemimpin yang efektif, disanjungi dan dihormati kerana gaya kepimpinan yang dibicarakan seolah-olah memberi peluang kepada seseorang mencapai apa yang diingini. Tip-tip yang diberikan memudahkan pembaca menceburi bidang perniagaan pelbagai arus dengan berkesan, menjimatkan masa, usaha dan wang sambil menuju ke arah kejayaan.

**Pengulas:**

**Ramaperbah a/p Chandran**

Penolong Pegawai Perpustakaan  
Bahagian Khidmat Nasihat & Perundingan  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



NOOR YAZLIND  
**Transformasi Dunia Anda : Personaliti . Potensi . Keunggulan**

Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors,  
2012. 220ms.  
ISBN 978-967-61-2544-6

## ULASAN

Manusia dilahirkan ke dunia mempunyai ciri-ciri yang berbeza antara satu sama lain. Setiap individu mempunyai cara, citarasa dan kemahuan yang tersendiri. Begitu juga dengan cabaran dan potensi masa hadapan juga adalah berbeza antara seorang individu dengan individu yang lain.

*Transformasi Dunia Anda*, iaitu sebuah bacaan berbentuk panduan yang bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat tidak mengira bangsa, jenis darah mahupun keturunan. Buku ini dapat memberi ilmu untuk mengenali diri masing-masing dengan menggunakan beberapa elemen yang terdapat dalam diri masing-masing, seterusnya melihat kesesuaian untuk membangunkan diri pada masa hadapan.

Buku ini boleh membantu ramai individu bukan sahaja untuk mengenali diri sendiri, malah boleh membantu untuk memahami keluarga, pasangan, anak-anak dan kenalan. Jika anda seorang guru, buku ini membolehkan anda menyusun strategi untuk

membentuk sahsiah pelajar-pelajar anda. Begitu juga seorang majikan akan lebih berkesan menguruskan perniagaanya jika memahami setiap personaliti dan potensi para pekerjanya.

Bimbingan dengan perkara-perkara asas dalam membuat perubahan kepada diri pembaca selain membentuk pemikiran positif dalam menghadapi dugaan dan cabaran yang datang daripada dalam diri sendiri ataupun berpunca daripada persekitaran luar seperti latar belakang keluarga dan kegagalan yang pernah dilalui.

Secara puratanya ilmu yang ada pada buku ini memberikan 75 hingga 100 peratus ketetapan mengenai personaliti, karakter dan potensi individu berdasarkan elemen-elemen yang ada pada diri masing-masing. Melalui panduan yang diberikan, pembaca boleh meneroka dan mengenali personaliti diri berdasarkan tarikh kelahiran, bulan kelahiran, abjad pada nama, jenis darah dan makanan kegemaran.

Huraian yang jelas diberikan oleh pengarang mengenai kaedah menggunakan elemen-elemen tersebut serta formula pengiraan mudah melalui angka yang ditunjukkan mengikut bab-bab yang telah disusun.

Berdasarkan personaliti yang dikenal pasti, pembaca akan dapat menyelami kekuatan dalaman diri selain diberikan huraian mengenai bakat, kebolehan, keistimewaan dan potensi diri masing-masing mengikut elemen-elemen tersebut. Buat mereka yang sedang mencari peluang-peluang masa hadapan, buku ini memberi kelebihan kepada anda kerana ia turut membantu untuk mengenal pasti kerjaya dan perniagaan yang sesuai untuk diri anda.

Selain mengandungi bab-bab berkaitan personaliti dan potensi diri, buku yang mengandungi 25 bab ini turut menyelitkan beberapa tip berguna untuk cemerlang, memiliki personaliti unggul, tujuh kuasa untuk mencipta kejayaan, mewujudkan tabiat membaca, teknik penguasaan bahasa Inggeris dan rahsia kejayaan.

Dalam bab terakhir, buku ini juga memuatkan bingkisan motivasi yang amat berguna sebagai pedoman setiap individu dalam usaha mentransformasikan diri ke arah

kecemerlangan.


Hasil-hasil kajian yang telah dijalankan oleh ahli-ahli sains dari seluruh dunia mengenai personaliti dan potensi individu dalam menyediakan pecahan-pecahan bab dalam buku ini. Bahasa dan susunan ayat yang mudah digunakan oleh pengarang menjadikan buku ini amat mudah difahami bukan sahaja kepada golongan dewasa, malah juga kepada generasi muda termasuk para pelajar.

Buku ini berguna kepada semua individu dan boleh dijadikan panduan untuk meningkatkan diri masing-masing dari satu tahap kepada tahap yang lebih unggul termasuk menetapkan hala tuju diri, perancangan dan strategi, sesuai dengan judul buku diberikan: **Transformasi Diri Anda!**

**Pengulas:**

***Wan Yuhaimisham Wan Yusoff***  
Penolong Pengarah  
Bahagian Gerakan Literasi Maklumat  
Perpustakaan Negara Malaysia.

## SINOPSIS BUKU




MUHD. YUSOF IBRAHIM  
DAN ZAINUDDIN LEMAN  
**100 Tahun Akhbar &  
Majalah Melayu di  
Selangor**

Puchong, Selangor : Tinta  
Publishers, 2012. 175ms.  
ISBN 978-967-5123-35-1

Buku ini ialah satu tinjauan awal tentang bentuk dan perkembangan kedua-dua jenis media di negeri Selangor. Mula dipelopori oleh British untuk menyebarkan agama Kristian, akhbar dan majalah Melayu berkembang di Selangor selama satu abad mencecah 150 buah. Dua media ini amat peka terhadap perkembangan semasa seperti isu sosial dan penajah ketika waktu sebelum merdeka, dan selepas itu memberi penekanan kepada isu pembangunan negara, politik, dan ekonomi ketika zaman selepas merdeka. Di samping menempatkan bahasa Melayu sebagai wadah komunikasi utama di kalangan masyarakat tempatan, akhbar dan majalah menjadi sumber sejarah dan rujukan penting kepada perkembangan ekonomi dan pentadbiran di negeri Selangor.

## SINOPSIS BUKU




QUTB, SAYYID  
**68 Doa Paling Indah Dari  
Al-Quran**  
Batu Caves, Selangor : Al-  
Hidayah House of  
Publishers, 2012. 283ms.  
ISBN 978-967-0267-60-9

Kitab suci al-Quran telah diturunkan penuh dengan hikmat dan ilmu yang terkandung di dalamnya. Selain itu, ia juga menyimpan pelbagai doa yang boleh diamalkan di dalam kehidupan seharian. Malah setiap hari sekurang-kurangnya 17 kali sehari seorang Muslim akan berdoa dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran ini agar diberikan petunjuk dan pertolongan serta dirahmati oleh Allah S.W.T. Apatah lagi, berdoa adalah antara salah satu ibadah yang disukai oleh-Nya. Judul asal buku ini iaitu *Fi-Zilalil Quran* telah menghimpunkan sebanyak 68 doa-doa daripada al-Quran hasil karya Sayyid Qutb. Ia merupakan sedikit panduan kepada pembaca mengenai ayat-ayat al-Quran yang boleh diamalkan menjadi doa harian. Setiap doa ini ada mempunyai tujuan dan disertakan tafsir yang menerangkan kegunaannya.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




### **Amalan Ibu Hamil Berserta 5000 Nama-Nama Untuk Anakku**

Rawang, Selangor : Pustaka Ilmuwan, 2012. 262ms.

ISBN 978-967-5778-31-5

Wanita yang hamil akan mendapat terdapat perubahan bukan hanya kepada fizikal sahaja bahkan kepada perasaan dan emosinya juga. Wanita yang mengandung perlu menjaga tingkah laku serta perbuatannya kerana setiap perlakuan semasa mengandung akan mempengaruhi anak yang akan lahir. Justeru, buku ini merupakan sebuah buku panduan amalan semasa hamil kepada ibu-ibu yang hamil serta suami mengikut sunnah Islam. Buku ini mengandungi 4 topik utama iaitu bimbingan wanita mengandung, amalan semasa mengandung, pedoman kepada ibu mengandung serta amalan suami ketika isteri mengandung. Buku ini juga memuatkan koleksi 5000 nama-nama Islam serta surah-surah pilihan yang sesuai diamalkan oleh ibu semasa hamil. Buku ini sangat sesuai dibaca oleh bakal ibu dan bapa sebagai panduan tambahan dalam menghadapi saat untuk menimang cahayamata.


## SINOPSIS BUKU



MOHD SAHANDRI GANI HAMZAH, ROSELAN BAKI DAN SAIFUDDIN KUMAR ABDULLAH  
**Amalan Penilaian Guru**  
Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors,  
2012. 252ms.  
ISBN 978-967-61-2542-2

Penilaian memainkan peranan penting dalam pendidikan. Ia dilakukan dalam semua aspek pendidikan bagi mengenalpasti status semasa dan seterusnya bagi tujuan perancangan program penambahbaikan pendidikan. Penilaian perlu dilakukan dengan sempurna dan berkesan. Buku ini merangkumi aspek pembelajaran murid secara langsung berkait rapat dengan peranan dan pengaruh infrastruktur, bahan dan peralatan belajar serta individu itu sendiri. Dalam konteks penilaian instruktional secara holistik, aspek penyelidikan oleh guru dan murid diberi perhatian bagi mempertingkatkan budaya menyelidik dan membuat penilaian serta refleksi kendiri bagi membolehkan peningkatan kualiti perkhidmatan pengajaran dan tanggungjawab yang lebih unggul dan harmonis. Buku ini boleh dijadikan panduan dan bimbingan dalam menyuntik roh integriti pendidik kepada bakal guru, guru novis, pendidik guru, dan guru cemerlang bagi meningkatkan profesion keguruan sebagai amanah menginsangkan murid dalam kehidupan mereka pada masa akan datang.

## SINOPSIS BUKU



ABDULLAH AHMAD, TAN  
SRI  
**Berani Tanpa Segan**  
Shah Alam : Grupbuku  
Karangkraf (Alaf 21), 2012.  
290ms.  
ISBN 978-983-124-775-4

*Berani tanpa segan* adalah buku Tan Sri Abdullah Ahmad yang ke-10 dalam bahasa Melayu dan ini merupakan himpunan tulisan penulis yang dikenali dengan Dollah Kok Lanas. Himpunan tulisan ini merupakan sebahagian daripada pengalaman beliau sebagai seorang bekas diplomat, ahli politik, timbalan menteri, ketua editor, korporat dan manusia biasa yang sentiasa di kelilingi dengan pelbagai cerita dan isu yang diambil daripada kolumnya di akhbar Sinar Harian 'DKL Menulis' mulai tahun 2009. Coretan beliau ini merupakan sumber ilmu pengetahuan yang amat berguna kerana meliputi pelbagai isu seperti kanak-kanak, isu-isu menarik semasa, perihal ekonomi, budaya, politik, dan kerajaan semuanya diulas dengan berani sehingga perkara yang dianggap rahsia telah didedahkan kepada umum. Buku ini sesuai dibaca oleh semua golongan.

## SINOPSIS BUKU




BADWILAN, AHMAD SALIM  
**Berubat Dengan Minyak Zaitun : Rahsia Dan Keajaiban**  
Batu Caves, Selangor : Al-Hidayah Publication, 2012.  
116ms.  
ISBN 978-967-368-165-5

Buku yang diterjemahkan oleh Abdul Rachman Saleh Siregar ini merupakan sebuah buku yang amat sesuai dan menarik untuk dibaca. Kandungan buku ini berkisar kepada pokok zaitun yang begitu memberi manfaat kepada manusia meliputi daun, buah dan minyaknya. Pokok zaitun yang dikatakan boleh hidup beribu tahun ini mempunyai khasiat yang amat tinggi nilainya terutamanya dari segi perubatan kerana minyak zaitun dikatakan sejenis minyak yang paling baik dan mudah dicerna oleh tubuh badan manusia. Buku ini mengandungi sejumlah penyelidikan, idea dan kajian yang dilakukan oleh para saintis di Timur mahupun Barat mengenai khasiat minyak zaitun dikuatkan lagi hujahnya dengan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengannya. Buku ini juga mengandungi petua dan tips yang boleh membantu menyembuhkan pelbagai penyakit dengan bahan utamanya adalah minyak zaitun. Sebagai contoh buah zaitun masin boleh menyembuhkan luka terbakar, dan mengunyah daun zaitun sangat baik untuk mengatasi penyakit ulser, bisul, bibir pecah-pecah dan ruam. Oleh itu bacalah buku ini kerana ia dapat membantu memperbaiki kesihatan tubuh badan dan ianya sesuai dibaca oleh semua peringkat.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



**SITI MARZIAH ZAKARIA**  
**Bongkar Kekuatan Diri**  
**Bersandarkan Ar-Rahman**  
Shah Alam : Grubuku  
Karangkraf (Karya Bestari),  
2012. 261ms.  
ISBN 978-967-86-0395-9

Kekuatan dan keyakinan diri adalah aset kepada diri seseorang amnya dan umat sejagat khususnya. Buku ini akan membantu dan membimbing pembaca mengenal pasti ‘kehadiran’ atau ‘ketidakhadiran’ kekuatan diri dalam jiwa mereka dan seterusnya memandu pembaca ke arah menanam keyakinan diri dan lantas meyakinkan pembaca untuk membuat perubahan terhadap diri, keluarga dan masyarakat. Menariknya buku ini, ia akan membantu memupuk sifat yakin diri melalui program-program dan aktiviti yang disarankan. Bagi memantapkan pengisian buku ini, diselitkan juga isu dan kes contoh agar pembaca dapat menyelami realiti kekuatan diri yang menyentuh setiap inci kehidupan. Melalui buku ini diharap pembaca mampu membuat perubahan dalam hidup sendiri dengan bercita-cita tinggi, berani menghadapi cabaran, tidak cepat mengalah, konsisten dalam setiap usaha serta yakin bahawa diri sendiri adalah yang TERBAIK dan dapat melakukan yang TERBAIK.

## SINOPSIS BUKU



UMMI FAIRUZ  
**Buah-Buahan & Sayur-Sayuran Kaya Khasiat :  
Pencegah Berbagai Penyakit Dan Memulihkan Stamina**

Batu Caves, Selangor : Ar-Risalah Product, 2012.  
162ms.  
ISBN 978-967-0268-26-2

Ramai di kalangan kita sudah mengetahui tentang kelebihan dan khasiat buah-buahan dan sayur-sayuran. Ia merupakan sumber vitamin, mineral dan serat yang baik kerana berada di tingkat kedua dalam piramid makanan yang perlu diambil dalam diet seharian. Selain itu, sistem pertahanan badan turut mampu diaktifkan dengan kehadiran pelbagai khasiat tersebut. Buku ini memberikan resepi menggunakan campuran buahan dan sayuran dalam bentuk jus atau sup yang boleh dimakan dan dijadikan panduan bagi mencegah penyakit dan memulihkan stamina. Antara penyakit-penyakit yang boleh dicegah adalah seperti obesiti, angin ahmar, sembelit, sakit kepala, anemia, kanser, gout, reput tulang dan asma. Pengambilan secara konsisten dari sumber makanan ini juga amat penting bagi melambatkan proses penuaan, kedutan dan sebagainya.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



WAHID, DEWI  
MUSTOFIAH  
**Bunga-Bunga Di Sekitar  
Kita Kaya Dengan Ubatan  
Untuk Kesihatan : Kenali  
Dan Ketahui Manfaatnya**  
Batu Caves, Selangor : Ar-  
Risalah Product, 2012.  
156ms.  
ISBN 978-967-0268-36-1

Siapa sangka bunga-bungaan yang berada di sekeliling kita boleh membantu menyembuhkan pelbagai penyakit, walaupun kadang kala rupa, bau, dan bentuk bunga tersebut tidak menarik. Begitu juga perjalanan hidup kita hendakkan yang terbaik dalam kehidupan dan yang demikian itu hendaklah kita menjaga kesihatan agar kita dapat menjalankan kehidupan harian dengan lancar tanpa gangguan dari faktor kesihatan. Ini menyebabkan penulis telah merungkai 12 jenis bunga yang dapat memberi manfaat dan berkhasiat serta membantu dalam proses perubatan. Bunga-bungaan ini adalah yang biasa didapati di halaman rumah kita seperti bunga wijayakusuma, bunga mawar, bunga kana, bunga pukul empat, bunga rozel, bunga raya, bunga kemboja, bunga teratai, bunga kenanga, bunga melati, bunga tulip dan bunga matahari. Setiap satunya dijelaskan dengan ringkas dan mudah difahami akan keistimewaan yang ada pada bunga tersebut dari daun hingga ke akarnya beserta dengan khasiat-khasiatnya, kandungan kimia, dan cara penggunaan bunga-bunga tersebut.

## SINOPSIS BUKU




ZABIDI MOHAMED  
**Catatan Penglipur Lara  
Sang Majistret**  
Petaling Jaya : Galeri Ilmu,  
2012. 255ms.  
ISBN 978-983-097-374-6

Buku ini menghimpunkan kisah-kisah benar dan lucu berdasarkan pengalaman penulis sewaktu beliau menjadi majistret di negeri Kelantan pada tahun 1986. Ia bukan sekadar menjadi bahan hiburan kepada pembaca, tetapi juga diselitkan dengan informasi dan nasihat berguna untuk dijadikan iktibar yang boleh diambil sebagai muhasabah diri. Kisah-kisah lucu dalam buku ini mengandungi nilai dakwah dan tarbiah yang tersirat dalam garapan penceritaannya. Terdapat 4 buah kisah lucu yang dialami oleh beliau telah diceritakan dalam buku ini. Ada di antara pengalaman ini turut mencemaskan beliau hingga terpaksa menggunakan pendekatan psikologi dalam menyelesaiannya. Penggunaan gaya bahasa yang santai dan bersahaja menjadikan buku ini sesuai dibaca oleh semua golongan.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



MOHD. NAJIB TUN HAJI  
ABDUL RAZAK, DATO'  
SRI  
**The Civil Service :  
Forging Changes,  
Exceeding Expectations**  
Kuala Lumpur : Institut  
Terjemahan Negara  
Malaysia, 2012. 105p.  
ISBN 978-983-068-836-7

As in his last two books, *Helming The Times* and *Najib's Answers*, this book continues to touch on major topics related to policies implemented by the government since he became the Prime Minister. What sets this book apart, however, is that he have chosen an innovative writing approach by explaining each issues and emphasising the significance of teamwork among civil servants in implementing those policies. In short, it is through this book that he hope to stimulate inspiration and subsequently fire the enthusiasm of all civil servants to stand up and change their mindset to become innovative and creative in addition to realising the aspiration of People First, Performance Now, under the flag of the 1Malaysia Concept.

## SINOPSIS BUKU



### **ICT In Malaysia : Issues, Challenges & Opportunities**


Shah Alam : Pusat Penerbitan Universiti Teknologi MARA, 2012.

154p.

ISBN 978-967-363-009-7

Information and communication technology (ICT) has become within a very short time, one of the basic pillars in modern society. ICT has become a major factor in shaping the new global economy and producing rapid change in society. Within the past decades, new ICT tools have fundamentally changed the way people communicate and do business. This book is a collection of academic papers on issues, challenges and opportunities of ICT sector in Malaysia. It consist of seven chapters, covering the following: outsourcing practices in Malaysia; ICT practices among Malaysian SMEs; e-procurement in Malaysia; perceived risk, trust, anxiety and convenience of online purchase in Malaysia; internet motivations of youths and their consequences; knowledge management for disaster response; barriers to e-business adoption in Malaysia SMEs.

## SINOPSIS BUKU



ABDUL RAHMAN SALLEH  
**Ilmu Miqat : Hitungan Waktu Dan Takwim**  
Puchong, Selangor : Tinta Publishers, 2012. 89ms.  
ISBN 978-967-5123-20-7

Ilmu miqat atau ilmu mengenai waktu sebagai satu cabang ilmu falak kurang dikenali oleh umat Islam terutamanya golongan muda, tetapi golongan ini mula meminati ilmu astronomi. Buku yang mengandungi 89 muka surat ini akan membawa pembaca memahami dengan lebih jelas bagaimana setiap haribulan dalam setiap tahun itu dihitung berpandukan kepada buruj yang berada di langit. Begitu juga bagaimana untuk menentukan waktu solat dalam Islam berpandukan longitud bulan dan matahari dengan kaedah *Rubu' Mujayyab* beserta pengiraannya. Begitu juga kaedah hitungan Takwim Hijri yang dimulai dengan waktu berlakunya *ijtimak* iaitu 'kecondongan bulan pertama dan kedua' dan 'jarak bulan dari garisan khatulistiwa' serta untuk hitungan waktu matahari terbenam pula menggunakan nilai '*lengkungan separa siang*' yang dirujuk dari waktu zohor. Kesemuanya dijelaskan secara ringkas di dalam buku ini dengan olahan ayat yang mudah difahami dan amat menarik untuk menambah ilmu pengetahuan.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



ABDUL MONIR YAACOB,  
DATO'  
**Islam Dan Kebebasan  
Beragama Menurut  
Perlembagaan  
Persekutuan**  
Kuala Lumpur :  
Techknowlogic Trading,  
2012. 167ms.  
ISBN 978-967-10419-1-8

Buku ini merupakan kompilasi penulisan dan pembentang persidangan oleh Datuk Dr. Abdul Monir Yaacob yang merupakan antara tokoh perundangan Islam di Malaysia. Buku ini mengandungi sebanyak tujuh buah artikel yang kebanyakannya adalah kertas kerja yang telah dibentang dalam seminar di dalam dan luar negara. Terdapat dua bahagian utama di dalam buku ini iaitu mengenai perkembangan undang-undang di Malaysia sebelum dan selepas kedatangan Inggeris dan analisis mengenai isu pertukaran agama dari perspektif hukum syarak dan undang-undang. Buku ini dapat memberi gambaran yang jelas kepada pembaca mengenai perkembangan perundangan di Malaysia dan pada masa yang sama memberikan huraian mengenai isu keluar dari agama Islam (murtad). Melalui pembacaan buku ini, pembaca akan dapat memberi penilaian yang sewajarnya kepada kedudukan Islam dalam masyarakat secara objektifnya.


## SINOPSIS BUKU



AS-SADHAN ABDULLAH  
MUHAMMAD  
**Keajaiban Ruqyah Dalam  
Menyembuhkan Sesuatu  
Penyakit**  
Batu Caves, Selangor : Al-  
Hidayah House of  
Publishers, 2012. 211ms.  
ISBN 978-967-0465-13-5

Ruqyah adalah rawatan penyembuhan dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran dan mengikut ketetapan Islam tanpa menggunakan bahan-bahan yang meragukan. Terdapat beberapa langkah dan kaedah penting yang mesti dikuasai dengan baik sebelum melakukan beberapa terapi terhadap sesuatu penyakit. Kandungan buku ini juga turut menjelaskan beberapa ayat-ayat al-Quran, zikir dan wirid serta waktu atau masa yang sesuai dibaca kepada orang yang ditimpa sesuatu penyakit. Tidak perlu menggunakan bomoh atau jin atau seumpamanya untuk meminta bantuan dalam proses perubatan sesuatu penyakit. Sesuai dibaca oleh semua masyarakat untuk dijadikan panduan supaya tidak menyeleweng dari landasan Islam apabila memohon penyembuhan dari sebarang penyakit.


## SINOPSIS BUKU



HATTA SIDI  
**Keresahan : Penyakit & Rawatan**  
Bangi, Selangor : Penerbit UKM, 2012. 175ms.  
ISBN 978-967-412-053-5

Setiap manusia akan menghadapi reaksi emosi kerana ia adalah perkara lumrah ketika menghadapi suatu keadaan yang tidak selesa. Keadaan ini dikatakan sebagai keresahan dikenali juga kecelaruan yang boleh membawa kemudaran sekiranya tidak ditangani atau dikawal. Perbincangan yang dibawa oleh penulis kepada pembaca dalam buku ini akan dapat membantu untuk memahami penyakit dan cara untuk merawat keresahan tersebut. Penjelasan yang separa ilmiah dan tidak terlalu teknikal memudahkan pembaca untuk memahami isi kandungan buku ini. Turut ditampilkan mengenai teori asas, punca dan jenis penyakit serta rawatan yang perlu diketahui oleh semua orang supaya masyarakat dapat mengetahui seterusnya membantu sesiapa sahaja yang menghadapi keadaan tersebut. Tidak semua penyakit dirawat dengan memakan ubat-ubatan kerana kadangkala ubat-ubatan hanya dapat melegakan penyakit dalam masa tertentu tetapi rawatan rohani atau jiwa dan emosi dapat menghilang penyakit.


## SINOPSIS BUKU



MOHD. MOMIN KHAN  
**Khazanah Mamalia  
Semenanjung Malaysia :**  
**Panduan Bergambar**  
Puchong, Selangor : Tinta  
Publishers, 2012. 205ms.  
ISBN 978-967-5123-36-8

Buku ini mengumpulkan semua spesis mamalia yang terdapat di Semenanjung Malaysia dan diterangkan dalam bahasa Melayu. Ia mengandungi ilustrasi gambar berwarna dan disokong dengan pengetahuan dasar penulis tentang hidupan liar di seluruh negara. Buku ini turut menyertakan maklumat tambahan berkaitan ekologi, taksonomi dan taburan spesis tersebut hasil dari pengalaman beliau yang diambil dari kajian lapangan. Penyebaran pengetahuan mengenai hidupan liar akan meningkatkan tahap kesedaran tentang kepentingan memelihara dan mengekalkan habitat yang menjadi tempat bergantung hidupan liar. Pemeliharaan hidupan liar dan habitat untuk jangka masa panjang seharusnya dilakukan melalui pendidikan masyarakat dan golongan muda, terutamanya penduduk di kawasan luar bandar. Ia penting bagi merangsang kepada usaha konservasi dalam mengekalkan biodiversiti dan merendahkan kadar kepupusan akibat kerosakan habitat.


## SINOPSIS BUKU



JUMALI HJ SELAMAT,  
KHAIDZIR HJ ISMAIL &  
SHAHARUDDIN HJ  
AHMAD  
**Komunikasi Berkesan :  
Aplikasi Untuk Remaja**  
Bangi, Selangor : Penerbit  
UKM, 2012.155ms.  
ISBN 978-967-412-006-1

Dalam kehidupan seharian, remaja perlu berkomunikasi dan berinteraksi untuk berkongsi idea atau maklumat sama ada secara individu atau berkumpulan. Komunikasi yang berkesan dapat dilihat melalui kebolehan dan kemampuan menguasai pelbagai kemahiran untuk menyampaikan sesuatu maklumat kepada orang lain. Buku ini mengandungi persoalan tentang definisi komunikasi, proses komunikasi serta jenis-jenis komunikasi. Turut dibincangkan juga tentang halangan-halangan dalam komunikasi yang meliputi masalah diri dan persekitaran, pengirim dan penerima, dan sebagainya. Aspek penting ke arah komunikasi juga turut dibincangkan. Panduan komunikasi dan etika komunikasi juga turut dimuatkan di dalam buku ini yang disokong dengan fakta, contoh, pandangan dan pendapat. Buku ini sesuai dijadikan bahan bacaan untuk semua lapisan masyarakat.


## SINOPSIS BUKU



NORLIYA AHMAD KASSIM  
AND KHALED ATEIK  
SAEED ABDULLAH  
**Learning Organizations In  
Libraries : Experiences In  
Malaysia And Yemen**  
Shah Alam : Pusat  
Penerbitan Universiti  
(UPENA), 2012. 117p.  
ISBN 978-967-363-354-8

The main of this book is to highlight the issues of learning organization and organizational learning and how organizational learning is measured whereby deeper knowledge is applied to improve the performance of the organization. This book incorporates the concept by providing an empirical evidence of selected experiences conducted in the field of university libraries in different environments. This book is divided into six chapter and can be used as a guide by library staff and professionals to acquaint them with the needed skills so as to become key players in building the learning organization. Its guide library professionals in understanding the essential components that comprise the learning organizations.

## SINOPSIS BUKU




WEB SUTERA  
**Macedonia : Alexander Agung**

Petaling Jaya : Galeri Ilmu,  
2012. 469ms.  
ISBN 978-983-097-360-9

Buku ini menyingkap kebenaran dan membersihkan nama tokoh Alexander sebagai Raja Zulqarnain atau Iskandar Zulqarnain. Selama ini kita dihidangkan dengan elemen-elemen peribadi yang buruk Alexander oleh para penulis Barat. Novel ini penuh dengan pengembaraan, peperangan serta penekanan mengenai kepercayaan Tuhan Yang Esa. Peluasan empayar dilakukan secara tolak ansur oleh Iskandar Zulqarnain. Bahkan turut menghormati kepercayaan manusia lain terhadap tuhan, iaitu dengan konsep tiada paksaan dalam beragama. Selain itu, tawanan perang pula dilayan dengan baik. Namun begitu, pengkhianat harus dihadapi dan diuruskan dengan keras. Rumah ibadat anutan lain tidak dirosakkan, malah dibina semula bagi tujuan ibadat para penganutnya. Apa yang menarik mengenai novel ini ia ditunjangi oleh watak iaitu Zamri dan Zainal yang mewakili golongan pelajar universiti. Mereka berusaha menyelongkar kisah Iskandar Zulqarnain di sebalik hijab manusia abad ini. Kewujudan bukti dan penghujahan fakta berdasarkan surah al-Kahfi sungguh baik. Dengan bukti tersebut, ia mampu mencelikkan minda yang dikaburi pendustaan oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




**SRI TITIN SYAHADATINA**  
**Makanan Dan Minuman**  
**Untuk Menyembuhkan**  
**Pelbagai Penyakit**  
Batu Caves, Selangor : Ar-Risalah Product, 2012.  
200ms.  
ISBN 978-967-0268-37-8

Kita seringkali mendengar ungkapan ini, kita adalah apa yang kita makan. Setiap hari kita makan dan minum, tetapi bukan untuk tujuan kenyang semata-mata. Sebenarnya, apa yang lebih penting adalah khasiat daripada apa yang telah kita makan dan minum. Makanan mampu menjadi ubat dan berupaya menyembuhkan penyakit. Penyakit kronik umpamanya boleh dirawat sekiranya menjaga dan mengawal pengambilan makanan yang tertentu. Pola pemakanan juga perlu diubah bagi memastikan makanan yang diambil berkhasiat dan berguna kepada sistem tubuh badan. Makanan juga boleh mendatangkan penyakit sekiranya pengambilannya dibuat secara berlebihan serta memudaratkan apabila ia dimakan tanpa kawalan. Buku ini mengetengah sejumlah resepi yang sihat untuk para pembaca. Resepi-resepi yang diberikan juga mudah dibuat sendiri, yang paling penting bahan dan ramuan digunakan mudah didapati. Khasiat yang terkandung di dalam setiap resepi juga diberikan beserta nilai nutrisi yang diwakili. Pembaca boleh menyediakan menu-menu sihat lagi berkhasiat untuk seisi keluarga.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




**Masyarakat Penan Dan  
Impian Pembangunan :  
Satu Himpunan Naratif  
Keterpinggiran Dan  
Jatidiri**

Petaling Jaya : Strategic  
Information and Research  
Development Centre  
(SIRD), 2012. 187ms.  
ISBN 978-967-5832-52-9

Buku ini merupakan luahan sanubari, kata-kata, ungkapan suara dan pancaran perspektif masyarakat Penan tentang impian pembangunan mereka yang dipetik dari pelbagai lapisan hidup warga peribumi yang terpinggir dalam konteks negara-bangsa Malaysia. Di dalam buku ini juga dimuatkan garapan falsafah kaum Penan yang dibawa dengan penuh metafora dan puitis. Himpunan naratif keterpinggiran dan jati diri yang terkandung di dalam buku ini mengungkapkan konsep pembangunan alternatif dan ilmu pengetahuan mampan kaum Penan. Ianya berpaksikan pengalaman harian mereka, sebagai satu kritikan terhadap penjajah pembangunan ‘ala pembalakan’ yang ganas melanda dan memusnahkan landskap ekologi dan komuniti adat kaum Penan.


## SINOPSIS BUKU



SAHOL HAMID ABU BAKAR  
**Maxims Of University Leadership**  
Shah Alam : Pusat Penerbitan Universiti, Universiti Teknologi MARA, 2012. 232p.  
ISBN 978-967-363-357-9

This is a relevant book on how to manage a university which has been articulated through a set of maxims. In the context of university governance, the use of 'maxims' very aptly describes a set of rules for sensible behaviour of a university leaders. The maxims cover an array if topics ranging from desired behaviour like exercising judicious use of power and influence, to salient styles of the extraordinary leaders which are the directive, paticipative and delegative styles. What is unique about this book is that universal concepts of leadership are brought down to the university ground echoing real lifetime experiences. There are huge cultural differences and practices between universities, especially between those from the west and Malaysian universities. The Maxims outlined in this book provide rich insights into the leadership issues a higher education while also providing tried and true details of the "actions" required in handling these issues. The maxims also provide a wide range of perspectives that encompasses the management, associates in leadership, staff, students and stakeholders.


## SINOPSIS BUKU



**Membina Bangsa Malaysia**  
Petaling Jaya : Strategic Information and Research Development Centre (SIRD), 2012. 199ms.  
ISBN 978-967-5832-46-8

Buku ini mengupas cabaran dan hala tuju rakyat Malaysia dalam membina identiti sebagai sebuah bangsa daripada pelbagai aspek kenegaraan merangkumi enam perspektif yang berlainan iaitu perundangan dan hak asasi manusia, media dan teknologi maklumat, ekonomi, seni budaya, kepimpinan remaja dan modal insan. Hasil gabungan enam penulis akademik dan bukan akademik, buku ini merupakan satu usaha untuk merapatkan jurang komunikasi antara dua segmen masyarakat tersebut. Adalah diharap melalui isu dan idea yang dibincangkan di dalam buku ini akan dapat mencetuskan perbahasan yang sihat dan konstruktif untuk memajukan negara dan membina bangsa Malaysia kerana cabarannya yang jauh lebih hebat di era globalisasi masa kini.


## SINOPSIS BUKU



TOTO TASMARA  
**Mengapa Yahudi  
Berprestasi**  
Kuala Lumpur : Inteam  
Pub., 2012. 200ms.  
ISBN 978-967-0326-28-3

Secara umumnya, jumlah umat Islam di dunia ini mencecah lebih satu billion, sedangkan golongan Yahudi hanya seramai enam belas juta. Walau bagaimanapun, dengan jumlah yang sedikit, golongan Yahudi masih mampu bertahan, malah pencapaiannya mampu mewarnai peradaban dunia. Buku ini menerangkan faktor kejayaan golongan Yahudi ini serta cara untuk mengalahkan mereka. Tujuan utama penghasilan buku ini adalah sebagai muhasabah dan motivasi agar seluruh umat Islam, terutamanya para generasi muda untuk bangkit menongkah arus globalisasi yang semakin menindas agama Islam. Buku ini juga mengajak pembaca mengimbas kembali kejayaan yang pernah dilakar oleh tamadun Islam yang membuktikan bahawa umat Islam pernah membina tamadun yang ulung dan mampu menandingi kaum Yahudi untuk menjadi golongan yang berjaya.

## SINOPSIS BUKU



NASARUDDIN YUNOS,  
ABDUL SALAM YUSOFF  
DAN MOHAMAD MOHSIN  
MOHAMAD SAID  
**Menjana Pemikiran  
Kreatif & Kritis**  
Kuala Lumpur : Utusan  
Publications & Distributors,  
2012. 294ms.  
ISBN 978-967-61-2555-2

Buku ini dapat membantu pembaca mendapat latihan berfikir secara kritis dan kreatif bagi membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dengan bijak. Seterusnya mengaplikasikan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran berfikir secara lebih praktik dengan menghasilkan idea atau ciptaan yang kreatif dan inovatif. Latihan berfikir dapat mengatasi kesilapan berfikir yang terburu-buru, bercelaru, kabur dan sempit. Pengaruh minda, akal dan otak amat berkait rapat dalam kejayaan seseorang menjadi lebih kritis dan kreatif. Kemahiran berfikir membolehkan manusia bersikap terbuka dalam menerima dan memberi pendapat, membina keyakinan diri untuk memberi hujah, membuat pertimbangan berdasarkan alasan dan bukti, serta berani memberi pandangan dan kritikan. Setiap masalah yang dihadapi pasti ada jalan penyelesaiannya. Oleh itu, kita harus memikirkan dan mengambil langkah bijak bagi mengatasi masalah tersebut. Terpulang kepada individu untuk memilih bentuk-bentuk penyelesaian masalah secara saintifik, secara kritis/logik, secara kreatif/lateral mahupun secara Islam. Individu boleh memilih penyelesaian masalah melalui emosi, rohani, intuitif, pemikiran reflektif ataupun melalui pengalaman lalu.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



LEE, CHONG WEI,  
DATUK  
**Menjulang Kejuaraan**  
Puchong, Selangor :  
Bukuganda Digital &  
Publication, 2012. 213ms.  
ISBN 978-967-10843-4-2

Sukan badminton sentiasa mendapat tempat istimewa dalam hati rakyat Malaysia. Secara tidak langsung, kepopularan sukan ini telah menyumbang kepada penghasilan pemain-pemain bertaraf dunia di Malaysia. Buku ini merupakan autobiografi Dato' Lee Chong Wei yang telah mengukir kejayaan yang mengagumkan dalam sejarah sukan negara dengan penampilan sebagai pemain nombor 1 dunia sejak tahun 2008. Meskipun telah bertaraf nombor 1 di dunia serta berada di kemuncak sukan badminton, beliau sentiasa berusaha untuk memperbaiki kelemahan diri dengan berusaha gigih saban hari untuk membaharu setiap rekod yang ditetapkan beliau sendiri. Buku ini turut memaparkan gambar foto beliau sewaktu kecil, bersama keluarga, pingat-pingat yang telah dimenangi dan ketika mewakili Malaysia di luar negara. Buku ini menyelitkan informasi mengenai pencapaian beliau selama ini serta cara pengiraan mata dalam sukan badminton.


## SINOPSIS BUKU



WINARIS, IMAM WAHYU  
**Menu Untuk Ibu  
Menyusukan Anak**  
Batu Caves, Selangor : Ar-  
Risalah Product, 2012.  
82ms.  
ISBN 978-967-0268-18-7

Susu ibu merupakan sumber makanan yang terbaik untuk bayi. Ia mempunyai nilai nutrisi yang seimbang selain meningkatkan hubungan emosional dan spiritual di antara ibu dan bayi. Walau bagaimanapun, timbul kerisauan di kalangan para ibu tentang diet untuk menghasilkan susu ibu bagi menjamin pengeluaran susu adalah lancar dan menghasilkan susu yang berkualiti untuk bayi. Bekalan menu yang cukup kandungan vitamin dan nutrisinya diharap mampu menyediakan bahan untuk proses metabolism yang boleh menghasilkan tenaga. Bagi sesetengah mereka, agak terhad pilihan menu makanan yang sesuai bagi kaum ibu yang menyusukan anak. Oleh yang demikian, buku ini menyediakan variasi menu sihat dan sesuai untuk para ibu yang sedang menyusukan anak yang bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran susu badan sekaligus menjaga diri daripada susu berkurangan.

## SINOPSIS BUKU




WEE, ROSELIND  
**Motivating Your Child To  
Read And Write**  
Shah Alam : Pusat  
Penerbitan Universiti  
(UPENA), 2012. 98p.  
ISBN 978-967-363-207-7

One of the important things in learning process is reading and writing especially for children. An important role parents need their skill in teaching children to read and write. This book can give some practical ideas and guidelines, step by step to parents and educators on how to prompt children to read and write at an early age and inculcate reading habit among their kids. Author also stated how to build up the vocabulary and imagination of their children. Writing description and good essay to make a short story related to an environment and the imagination suitable for their age. Readers from all levels are encouraged to read this book especially parents and educators.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



### Pak Samad : Di Mata Kami

Kuala Lumpur : Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2012. 188ms.  
ISBN 978-983-068-873-2

Buku ini merupakan himpunan penulisan mengenai Sasterawan Negara Dato' A. Samad Said yang dihasilkan oleh 30 orang penulis dari pelbagai status dan latar belakang kehidupan. Penulis-penulis ini berkongsi pengalaman serta rasa hati mereka menerusi tulisan dan puisi sepanjang berurusan dengan beliau sama ada secara langsung atau tidak langsung. Antara tulisan yang dipilih telah dihasilkan oleh Mior Hashim Manap, Pyanhabib, U-Wei Saari, Ku Seman Ku Hussain, Sani Sudin dan beberapa tokoh dalam bidang sastera yang lain. Mereka ini telah menjadikan Dato' A. Samad Said sebagai inspirasi dalam bidang penulisan disebabkan keperibadian dan kesungguhan beliau dalam memartabatkan sastera Melayu di negara ini. Menerusi buku ini, pembaca berpeluang merasai pengalaman dan perjalanan seorang penulis yang mewakili suara masyarakat.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




**JAMAL MA'MUR ASMANI  
Panduan Memanfaatkan  
Teknologi Maklumat Dan  
Komunikasi Dalam Dunia  
Pendidikan**  
Batu Caves, Selangor : Ar-  
Risalah Product, 2012.  
329ms.  
ISBN 978-967-0268-43-9

Pengaplikasian teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pendidikan merupakan sebuah cabaran yang nyata dan fakta. Justeru, buku ini telah menekankan kepentingan TMK dalam pendidikan yang merujuk kepada pendidikan di Indonesia. TMK khususnya internet telah banyak digunakan sebagai sumber maklumat untuk menyokong aktiviti pendidikan kerana ianya telah memudahkan pelajar dan pendidik untuk mengakses maklumat dan pengetahuan. Panduan penggunaan TMK juga telah diterangkan di dalam buku ini. Penggunaan TMK dalam pendidikan berkembang melalui 3 tahap iaitu penggunaan audio visual aid, bahan-bahan untuk menjalankan program dan penggunaan komputer dalam pendidikan. Buku ini juga turut mengupas mengenai kepentingan teknologi pada era globalisasi masa kini serta halangan-halangan yang biasanya berlaku di dalam aplikasi TMK.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



MOHD KAMIL IDRIS  
**Rahsia Jadi Genius Di  
Sekolah Rendah**  
Shah Alam : Grup Buku  
Karangkraf (Alaf 21), 2012.  
224ms.  
ISBN 978-983-124-764-8

Genius adalah sifat kepintaran yang luar biasa dan semua orang berpotensi memiliki anugerah ini. Namun ia boleh dipupuk melalui strategi pembelajaran menggunakan peta minda dan cara menghafal yang disyorkan di dalam buku ini. Buku ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu hebatnya kuasa percaya dan kenal kehebatan diri untuk menjadi murid genius; teknik dan kemahiran belajar murid genius; dan teknik dan kemahiran pengurusan diri. Buku ini menyediakan teknik yang diajar untuk memudahkan pelajar mengingati fakta-fakta penting di dalam pelajaran. Dengan menggunakan otak kiri dan kanan secara optimum serta mengamalkan tip-tip yang diberikan di dalam buku ini, seorang pelajar biasa juga boleh menjadi genius.


## SINOPSIS BUKU



MUHAMMAD, AS'ADI  
**Rahsia Perbezaan Otak Lelaki Dan Otak Wanita**  
Batu Caves, Selangor : Al-Risalah Product, 2011.  
158ms.  
ISBN 978-967-0268-46-0

Otak merupakan organ tubuh yang paling kompleks dimiliki oleh manusia yang memiliki berat sekitar 1.5kg atau 2% dari berat badan manusia. Otak adalah antara organ manusia yang terpenting selain jantung. Tanpa akal yang sihat dan waras, otak tidak mampu berfungsi dengan sempurna dan ini amat besar pengaruhnya terhadap perlakuan dan peribadi seseorang. Buku ini mengandungi 7 bab yang membincangkan tentang otak manusia dan juga sedikit maklumat mengenai otak haiwan. Isu utama yang diketengahkan adalah tentang perbezaan di antara otak lelaki dan wanita. Terdapat perbezaan nyata dalam kecenderungan, kemahiran dan pemikiran di antara lelaki dan wanita. Secara umumnya otak terdiri dari 2 jenis tisu berbeza iaitu penghubung kelabu dan penghubung putih. Otak lelaki lebih banyak memiliki jaringan penghubung putih manakala wanita memiliki lebih banyak jaringan penghubung kelabu. Melalui pembacaan buku ini akan dapat memberikan gambaran sebenar tentang otak serta bahagian-bahagian penting yang terdapat pada otak.


## SINOPSIS BUKU



**Rukhsah & Azimah  
Dalam Solat**  
Batu Caves, Selangor :  
Crescent News, 2012.  
230ms.  
ISBN 978-967-409-019-7

Ibadah merupakan satu kaitan yang amat penting kepada umat Islam. Di dalam rukun Islam telah digariskan empat perkara utama selepas mengucap dua kalimah syahadah iaitu solat, puasa, zakat dan haji untuk diikuti. Kesemua ini adalah ibadah. Ibadah ini dilaksanakan dengan kemudahan dan kelapangan, bukan atas kesusahan dan kesulitan. Ianya perlu dilaksanakan oleh batas-batas kemampuan manusia biasa. Justeru, rukhsah dan azimah dibincangkan di dalam buku ini bagi memberikan ilmu dan pilihan kepada umat Islam menjalani ibadah. Rukhsah ialah suatu pengecualian dari hukum yang telah ditetapkan secara asasi disebabkan adanya uzur yang sangat mendesak. Azimah merupakan prinsip lawan kepada rukhsah iaitu apa yang disyariatkan oleh Allah secara asasi, namun tidak menolak akan adanya keringanan terhadap kewajipan selama itu disebabkan oleh uzur yang sangat mendesak. Sebagai contoh, dalam solat sendiri telah diringankan beban ibadah apabila berlaku perkara berikut seperti musafir, sakit, pelupa, ketidaktahuan, kesukaran, terpaksa dan lemah atau punya sifat kekurangan.

## SINOPSIS BUKU



MOHAMAD AZLAN  
ISKANDAR

### Teknik & Peraturan Asas Skuasy

Petaling Jaya : Penerbit  
Wawasan Nusa (M), 2012.  
53ms.

ISBN 978-967-5945-13-7

Buku ini membincangkan teknik-teknik permainan sukan skuasy melalui program Kejurulatihan Asas Skuasy Akademi Skuasy Azlan Iskandar (AISA). AISA ditubuhkan dengan objektif mempromosi permainan skuasy yang kompeten sebanyak mungkin untuk mengisi masa lapang serta menggalakkan penyertaan aktif dalam bidang sukan sekaligus memberikan gaya hidup yang sihat. Masyarakat yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur dapat mengetahui dan memahami permainan skuasy melalui maklumat yang terdapat di dalam buku ini. Ia memberi penerangan kepada bakal pelajar asas-asas skuasy dan pada masa yang sama menyediakan peluang praktikal kepada pemain baru untuk memulakan persediaan. Pelbagai teknik yang dibincangkan untuk memahirkan diri bermain skuasy. Antaranya, mempelajari peraturan permainan, memahami hantaran biasa skuasy, menunjukkan hantaran biasa skuasy, mengetahui dan mengamalkan beberapa teknik asas sukan skuasy. Gambar-gambar berkaitan dengan teknik permainan yang betul juga disertakan.